



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **“HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN: MEMPERKUKUH WARISAN TOLERANSI SABAH”**

---

**KOTA KINABALU, 16 Jun** - Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengadakan Program Dialog Harmoni Peringkat Kebangsaan 2026. Majlis perasmian dialog telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, hari ini.

Program Dialog Harmoni menyediakan platform interaksi yang berstruktur, inklusif dan berhemah dalam kalangan masyarakat berbilang agama, khususnya golongan mahasiswa, serta berperanan sebagai ruang selamat (*safe space*) untuk perkongsian pandangan secara terbuka.

Meningkatkan keharmonian antara penganut agama merupakan salah satu agenda penting yang telah diketengahkan dalam hala tuju kementerian menerusi ikhtiar **Harmoni MADANI**, selaras dengan aspirasi nasional untuk membangunkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, inklusif dan sejahtera di bawah kerangka Malaysia MADANI.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, Dalam konteks Malaysia yang berbilang agama dan budaya, **dialog merupakan jambatan yang menghubungkan kepelbagaian kepada perpaduan**. Dialog antara agama merupakan **satu proses komunikasi yang membolehkan komuniti daripada pelbagai penganut agama saling mengenali, memahami, menghormati dan membina kepercayaan**”.

Sesi Dialog Harmoni disertai oleh tiga (3) orang panel, iaitu YBhg Prof. Madya Datuk Dr. Lee Kuok Tiung (Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah), YBhg Datuk Haji Sapawi bin Haji Ahmad (Yang Dipertua, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah/USIA, merangkap Ahli Jawatankuasa PADUNEGERI Sabah), dan YBrs. Reverend Wong Fui Kong (Presiden, Majlis Gereja-Gereja Sabah, merangkap Ahli Jawatankuasa PADUNEGERI Sabah).

**UNTUK SIARAN SEGERA**

Pada tahun ini Program Dialog Harmoni diadakan di enam (6) buah lokasi iaitu Kedah (6 Jun), Sabah (16 Jun), Johor (20 Jun), Terengganu (27 Jun), Selangor (8 Julai) dan Sarawak (25 Julai).

**Kementerian Perpaduan Negara**

16 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (57)

